

Program Baucar Perlindungan Tenang

- 1. Apakah itu Program Baucar Perlindungan Tenang?**
Program ini bertujuan untuk memperluaskan perlindungan sosial kepada golongan B40. Penerima bantuan B40 akan diberi baucar RM75 sebagai bantuan kewangan untuk menyertai Pelan Takaful Perlindungan.
- 2. Bilakah tempoh program ini?**
Program ini bermula dari 01 Januari 2022, jam 00.01 dan berakhir pada 31 Disember 2022, jam 23.59.
- 3. Produk apakah yang layak untuk program ini?**
Produk yang layak untuk program ini adalah FWD Kasih dan sah untuk bayaran tahun pertama sahaja. Sila layari laman web kami <https://www.fwd.com.my/direct/kasih/ptv> untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai FWD Kasih.
- 4. Bagaimana saya boleh semak kelayakan untuk program ini?**
Anda boleh membuat semakan dengan memasukkan nombor kad pengenalan di Portal Baucar Perlindungan Tenang, www.myPTV.my. Di bawah pelancaran Program Baucar Perlindungan Tenang ini, baucar RM75 akan diagihkan kepada penerima bantuan B40 secara berperingkat. Sekiranya, anda mendapati diri anda tidak layak untuk Program Baucar Perlindungan Tenang di peringkat ini, anda boleh membuat semakan pada peringkat seterusnya.
- 5. Berapa kali baucar ini boleh digunakan?**
Baucar ini hanya boleh digunakan sekali sahaja semasa menyertai Pelan Perlindungan Tenang.
- 6. Sekiranya saya membatalkan Pelan Perlindungan Tenang setelah menggunakan baucar, bolehkah saya menyertai Pelan Perlindungan Tenang baharu dengan baucar yang sama?**
 - Sekiranya sijil baharu dibatalkan dalam tempoh 15 hari tempoh percubaan, anda boleh menggunakan baucar yang sama untuk menyertai Pelan Perlindungan Tenang yang baharu.
 - Sekiranya sijil baharu dibatalkan selepas tempoh 15 hari tempoh percubaan, anda tidak boleh menggunakan baucar yang sama.
- 7. Bolehkah baucar ini ditukar ganti dengan wang tunai?**
Baucar ini tidak boleh ditukar ganti dengan wang tunai.
- 8. Adakah diskaun ini akan diberikan pada tahun pembaharuan seterusnya?**
Tidak. Baucar diskaun ini hanya sah untuk bayaran tahunan pertama sahaja. Anda perlu membayar untuk pembaharuan seterusnya.
- 9. Bagaimana saya boleh membayar sumbangan untuk pembaharuan seterusnya?**
Anda boleh membayar sumbangan anda dengan menggunakan kad kredit, debit atau melalui pembayaran elektronik untuk pembaharuan seterusnya.
- 10. Bagaimana saya boleh ketahui status permohonan saya?**
Anda akan ketahui status permohonan anda melalui emel dalam masa 24 jam.
- 11. Adakah saya akan menerima notis pembayaran dari FWD Takaful untuk pembaharuan seterusnya?**
Ya, anda akan menerima notis pembayaran dari FWD Takaful melalui SMS 30 hari sebelum pembaharuan seterusnya.
- 12. Adakah baucar yang digunakan layak untuk mendapat pelepasan cukai?**
Tidak. Penggunaan baucar tidak layak untuk mendapat pelepasan cukai.